

Guru hasilkan aplikasi ilmu faraid

BERTAHARIAN 11/6/2023 KUIS: 21

Melaka: Pengenalan tajuk faraid dalam silibus Pendidikan Islam Tingkatan Lima sejak tahun 2021 adalah langkah positif memastikan pelajar menguasai perkara asas itu khususnya mengenalpasti waris dan pembahagian harta menurut syariat.

Namun pelajar didapati sukar menguasainya terutama mengenai bahagian pembahagian harta kepada waris yang berhak.

Menyedari hakikat itu, seorang guru cemerlang Pendidikan Islam dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Klebang Besar, bertekad mencipta inovasi EZ Faraidh bagi memudahkan pelajar menguasai ilmu itu dengan mudah, pantas dan menyeronokkan.

Jasmi Amin berkata menerusi inovasi EZ Faraidh, pelajar dapat menguasai tajuk berkenaan dengan baik sekali gus meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

"Konsep didik hibur yang ada pada EZ Faraidh memberi kesan positif terhadap pelajar. Mereka didapati teruja dan seronok lantaran pendekatan digunakan berbeza berbanding kaedah konvensional.

"Menariknya lagi, inovasi ini



Jasmi (tengah) mencipta inovasi EZ Faraidh bagi memudahkan pelajar menguasai ilmu faraid dengan mudah, pantas dan menyeronokkan.

juga turut disertakan bersama aplikasi EZ Faraidh yang boleh dimuat turun secara percuma di Google Playstore untuk mendapatkan kiraan lebih pantas mengenai harta pusaka," katanya.

Tambah Jasmi, inovasi itu diharapkan dapat meningkatkan kesedaran umat Islam mengenai ilmu faraid yang sememangnya perlu dipupuk sejak bangku sekolah lagi.

Sebelum ini, EZ Faraidh me-

nerima anugerah Inovasi terbaik keseluruhan pada Karnival Antarabangsa Amalan Pembelajaran Berimpak Tinggi Dalam Pengajaran Islam Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2022.

Inovasi itu turut mendapat perhatian ilmuan faraid seperti Ustaz Mohd Khusairi Saleh yang menyatakan bahawa inovasi itu amat bermanfaat dan boleh juga digunakan masyarakat awam.